

UPM tidak puas hati, tamatkan 9 francais IPTS

Oleh Norzilawati Abdul Halim

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) kini hanya bekerjasama dengan 25 institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bagi menjalankan program francisnya berbanding 34 sebelum ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Muhamad Zohadie Bardaie, berkata kerjasama dengan sembilan lagi IPTS terpaksa ditamatkan kerana didapati tidak menepati piawai ditetapkan Jawatankuasa Kawalan Mutu Program Akademik (Jumpa) dan Pusat Pendidikan Luar (PPL), selain gagal melunaskan hutang francis dengan universiti itu.

"Menerusi Jumpa dan PPL, kami memantau program yang dijalankan IPTS terbabit dari semasa ke semasa bagi memastikan ia mencapai mutu akademik ditetapkan.

"Kami juga mengutamakan syarat

kemasukan, iaitu mempunyai lima kepujian dalam mata pelajaran tertentu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian Program Kerjasama UPM membabitkan lapan IPTS, di Dewan Taklimat universiti itu di Serdang, semalam.

Hadir sama, Ketua Eksekutif Kolej Teknologi Timur (KTT), Norayini Ali; Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik UPM, Prof Dr Muhamad Awang dan Pengarah PPL, Prof Madya Dr Abdul Aziz Saharee.

Dr Muhamad Zohadie berkata, 25 IPTS itu menawarkan 18 program peringkat ijazah pertama dan diploma.

Menurut Bahagian Komunikasi Korporat universiti itu, IPTS terbabit ialah Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan, Shah Alam; Kolej Teknologi Timur, Sepang; Kolej Prime Subang Jaya; Kolej Teknologi Ikram,

Kajang; Kolej Lagenda, Mantin; Kolej Negeri, Seremban; Kolej Karisma, Seremban; Kolej Uniti, Port Dickson; Kolej SAL, Wangsa Maju; Kolej Teknologi Cybernetics, Taman Maluri; Kolej Poly-Tech Mara, Cheras.

Pusat Pembangunan Kemahiran, Kuantan; Institut Informasi Multimedia, Mentakab; Kolej Shahputra, Kuantan; Kolej Informasi Teknologi Cosmotect, Taiping; Institut Pembangunan Sumber Manusia Kolej Kamunting, Perak; Kolej Yayasan Melaka, Bukit Sebukor; Kolej Risda Melaka, Alor Gajah; Institut Kota Melaka, Ayer Keroh.

Kolej Instedt, Tampoi; Kolej Islam Yayasan Pelajaran, Johor Bahru; Institut Teknologi ANS, Alor Star; Kolej Teknologi Bestari, Setiu; Kolej Chermai Jaya, Kuching dan Institut Teknologi Sara, Kota Kinabalu.

Program ijazah pertama dijalankan ialah Bachelor Sains Komputer,

Bachelor Pentadbiran Perniagaan, Bachelor Kejuruteraan Awam, Bachelor Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Bachelor Kejuruteraan Mekanikal, Bachelor Kejuruteraan Kimia, Bachelor Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi, Bachelor Sastera (Bahasa Malaysia) dan Bachelor Sastera (Bahasa Inggeris).

Peringkat diploma pula ialah Diploma Sains Komputer, Diploma Pembangunan Manusia, Diploma Pengurusan Perniagaan, Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Elektronik, Diploma Kejuruteraan Teknologi Multimedia, Diploma Pertanian dan Diploma Perhutanan.

Dr Muhamad Zohadie menjelaskan, program francis itu diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Awam dan setakat ini pihaknya belum menerima sebarang aduan daripada graduan berhubung ijazah dan diploma

yang dianugerahkan.

Bagi mengatasi masalah melunaskan hutang francis pula, beliau berkata, UPM kini menetapkan semua yuran pengajian dibayar terus kepada universiti berkenaan.

Sementara itu, Norayini berkata, program kerjasama baik kerana memberi peluang pelajar berkelayaan tetapi gagal mendapat tempat di IPT awam, melanjutkan pengajian dalam bidang yang diminati di IPTS.

"Sokongan dan pemantauan UPM secara berterusan amat dihargai dan langkah itu secara tidak langsung meningkatkan lagi keyakinan pelajar dan ibu bapa terhadap IPTS.

"Bagi memberi peluang pelajar yang mempunyai kelayakan melanjutkan pelajaran, saya memohon UPM melonggarkan syarat kelayakan kemasukan daripada lima kepujian kepada tiga seperti ditetapkan IPT awam," katanya.